

# MyRumah diharap tarik minat pembeli luar

Pameran anjuran NSTP tawar projek hartanah strategik sekitar Pahang

Oleh Muhamad Fairoz  
Azizan dan Mohamad  
Azim Fitri Abd Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Pameran hartanah MyRumah anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini, diharap turut menarik minat bakal pembeli dari luar negeri Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) negeri, Datuk Seri Mohd Johari Hussain, ini kerana terdapat beberapa projek hartanah di Pahang yang dimajukan di kawasan strategik, khususnya yang menjadi tumpuan pelancong.

"Ini sebagai tarikan kepada pema-  
ju bagi membangunkan hartanah di sini. Kita melihat potensi hartanah di Pantai Timur sama-

kin tinggi.

"Kita juga merancang membuka peluang kepada pembeli luar Pahang memiliki rumah kedua di sini. Kita mahu perniagaan hartanah ini tanpa sempadan dan seiring perumahan untuk rakyat dengan pakej khas yang menarik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan pameran hartanah, MyRumah anjuran NSTP bagi mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail di Kuantan City Mall di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi NSTP, Datuk Yushaimi Maulud Yahaya dan Pengarang Kumpulan Harian Metro, Tuan Mohd Asri Tuan Hussein.

Enam pema-ju daripada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) / Jabatan Peru-



Antara pengunjung Pameran Hartanah MyRumah 2019, di Kuantan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang /BH)

**myrumah**

**PAMERAN HARTANAH**  
20 - 22 September 2019 | 10 pagi - 10 malam  
Kuantan City Mall, Pahang

MyRumahMP8



Pengunjung cilik melihat model rumah dipamerkan.

mahan Negara, Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu Sdn Bhd, O&C Properties (Kuantan) Sdn Bhd, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan UDA Land (East) Sdn Bhd mengambil bahagian dalam pameran selama tiga hari bermula semalam.

Amanah Raya Berhad, Perba-

danan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Takaful IKHLAS turut menyertai pameran terbabit.

Mohd Johari berkata, pameran hartanah, MyRumah NSTP di sini, turut dilihat dapat membantu melonjakkan sektor hartanah di Pahang, terutama membabitkan projek perumahan mampu milik.

"Kita mengalu-alukan kerja-

sama antara NSTP dan kerajaan negeri kerana sebagai penganjur yang mempunyai latar belakang media, memberi lebih maklumat dalam pemilihan hartanah yang berkualiti dan mampu milik.

"Penganjuran MyRumah di sini juga mampu menarik bakal pembeli dari Kelantan dan Terengganu, sekali gus melonjakkan sektor hartanah negeri ini," katanya.